

**KAJIAN KESAN FIZIKAL PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN TERHADAP
PEMBANGUNAN KAWASAN SEKITAR DI ZON PERINDUSTRIAN
SUNGAI WAY, PETALING JAYA**

FOTOSTAT TIDAK DIBOLEH MENGAMBIL

PUTERI ZANZARINA ABDUL LATIFF

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

OKTOBER 2003

ABSTRAK

Sektor perindustrian merupakan salah satu sektor yang memberi sumbangan kepada sumber ekonomi sesebuah negeri dan juga Negara. Selain itu, ia juga turut dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan menjadi pemangkin kepada ekonomi sesebuah kawasan. Dengan penyediaan segala kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang lain dapat memberi sokongan terhadap perkembangan sektor perindustrian. Namun begitu, aspek alam persekitaran tidak harus diketepikan dalam keghairahan membangunkan sektor perindustrian. Konsep pembangunan mampan dan lebih prihatin kepada kualiti alam sekitar juga hendaklah dititikberatkan dalam prinsip perancangan fizikal sesuatu kawasan. Perancangan sesebuah kawasan perindustrian perlulah menurut garispanduan-garispanduan yang ditetapkan supaya semua pihak berpuas hati dan mendapat manfaat atas pembangunan perindustrian yang dijalankan. Dengan ini kualiti kehidupan masyarakat setempat dan sekitarnya tidak terjejas di samping dapat memelihara alam semulajadi. Ringkasan bagi kajian ini adalah berkenaan dengan kesan fizikal yang disebabkan oleh pembangunan perindustrian terhadap pembangunan kawasan sekitarnya. Kawasan yang dipilih untuk menjalankan kajian ini adalah di Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Kawasan yang telah dikenalpasti berhampiran dengan kawasan perindustrian adalah di SS 8, SS 9 dan juga SS 9A. Kesan-kesan fizikal yang dikaji adalah seperti kesan terhadap lalulintas, kesan terhadap alam sekitar, kesan terhadap penduduk, perumahan dan perniagaan. Data atau maklumat yang diperlukan dalam kajian ini terdiri daripada dua sumber iaitu sumber primer iaitu dari pemerhatian dan kajiselidik yang dijalankan serta melalui sumber sekunder iaitu dari laporan-laporan yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya serta maklumat dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Setelah menjalankan kajiselidik, analisis akan dibuat untuk mengenalpasti kesan-kesan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini. Seterusnya, hasil daripada kajian tersebut akan dikeluarkan yang mana cadangan-cadangan akan ditentukan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di sekitar akibat dari pembangunan perindustrian tersebut terhadap pembangunan sekitarnya. Cadangan-cadangan yang disyorkan itu, diharapkan dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul kesan dari pembangunan perindustrian di kawasan kajian terhadap kawasan sekitar dan seterusnya melahirkan sebuah kawasan atau pembangunan yang mesra alam dan selesa serta selamat untuk diduduki oleh orang ramai. Jadi untuk merealisasikannya, semua pihak termasuklah penduduk, pengguna dan pihak berkuasa tempatan perlulah berganding bahu untuk mencapai matlamat atau cadangan yang telah disyorkan.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim...

Alhamdulillah, syukur kepada hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, laporan kajian akhir ini iaitu Kajian Kesan Fizikal Pembangunan Perindustrian Terhadap Pembangunan Sekitar Di Zon Perindustrian Sungai, Way, Petaling Jaya, Selangor ini dapat disiapkan untuk tatapan dan pandangan pembaca.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada mereka-mereka yang telah membantu saya dalam menjalankan dan menyiapkan kajian ini. Pertama sekali diucapkan jutaan terima kasih kepada ibu dan keluarga saya yang banyak memberi sokongan dan galakan terhadap apa yang saya lakukan.

Kepada penyelia bagi kajian ini iaitu Prof.Madya Noorhadjar Yacob Bux, diucapkan ribuan terima kasih kerana tunjuk ajar yang diberikan. Selain itu, terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah bagi Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, pihak MPPJ, JPBD, orang perseorangan dan penduduk sekitar kawasan kajian serta rakan-rakan seperjuangan yang turut memberikan bantuan dari segi maklumat kepada saya.

Dengan bantuan daripada mereka, saya dapat menyiapkan kajian ini dengan jaya dan tepat pada masanya. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi terima kasih kepada mereka-mereka yang telah membantu dan memberi kerjasama kepada saya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Jasa anda semua amat bermakna buat diri saya.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
BAB SATU : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	2
1.3 Tujuan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Metodologi Kajian	6
1.7 Kawasan Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Rumusan	11
BAB DUA : KAJIAN LATAR DAN KAWASAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Pembangunan Perindustrian	
2.2.1 Definisi Pembangunan	14
2.2.2 Definisi Perindustrian	14
2.2.3 Faktor Perletakan Industri	15

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Perindustrian merupakan salah satu sektor terpenting dalam menjana pertumbuhan ekonomi dalam memberi sumbangan pendapatan bukan sahaja kepada negara malah juga memberi pendapatan kepada penduduk melalui peluang pekerjaan yang terdapat di dalam sektor ini. Melalui sektor perindustrian juga dapat menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini. Ini menjadikan sektor perindustrian sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam merancang pembangunan perindustrian, perlulah mengambilkira beberapa faktor agar pembangunan yang dijalankan memberi kesan positif kepada persekitaran dan tidak mengabaikan kepentingan penduduk setempat. Oleh itu, garis panduan penyediaan kawasan perindustrian perlu dititikberatkan supaya semua pihak berpuas hati dan mendapat manfaat atas pembangunan perindustrian yang dijalankan.